



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

Peranan Kata Sapaan Harian Bahasa Arab dalam Silibus di UiTM.

Ditulis oleh: Norshida Hashim, Kamaruzaman Zali, Dr Syahirah Almuddin Mashitah Nordin, Mohd Islah Mohd Yusuf

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang kaya dengan kosa kata dan ungkapan sopan santun yang mencerminkan nilai-nilai agama dan budaya. Ia bukan sahaja digunakan secara meluas di negara-negara Timur Tengah sebagai komunikasi seharian malah ia juga digunakan di negara-negara lain bagi tujuan pelbagai seperti keagamaan, pendidikan, perniagaan dan lain-lain. Selain kosa kata asas, salah satu aspek penting dalam konteks komunikasi adalah menguasai kata sapaan. Kata sapaan sangat penting kerana ia digunakan untuk memulakan komunikasi tidak kira dalam bahasa dan budaya apa sekalipun sebagai cara untuk menunjukkan rasa hormat, keakraban dan keramahan antara dua pihak sehingga mereka bersurai.

Sapaan menurut Kamus Dewan edisi keempat merujuk kepada teguran, ajakan untuk bercakap-cakap termasuklah ucapan salam. Kata sapaan juga merangkumi kata ganti nama diri yang kita gunakan untuk menyapa dan menegur orang. Kata sapaan yang digunakan dalam bahasa Arab bukan sekadar

ucapan teguran biasa, tetapi sering kali membawa maksud doa, harapan baik, dan penghormatan kepada orang yang disapa. Mahzari (2019) mendapati, ungkapan berbentuk doa lebih kerap digunakan oleh penutur Saudi sebelum menamatkan sesuatu perbualan telefon. Kata sapaan yang diberikan akan dibalas dengan jawapan yang membawa maksud lebih baik dari kata sapaan yang diberikan. Perkara ini sangat dituntut dalam agama Islam. Sapaan yang betul bukan sahaja menunjukkan adab yang tinggi, tetapi juga dapat mengeratkan hubungan antara individu. Adab dan kesantunan merupakan salah satu aspek terpenting dalam komunikasi. Hal ini kerana setiap individu perlu mematuhi norma masyarakat dan konvensi asas kesantunan sekiranya ingin hidup dalam keadaan aman bersama masyarakat.

Bagi mencapai aspirasi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab, pembelajaran bahasa Arab di UiTM telah meletakkan silibus yang dimulai dengan kata sapaan dalam kod kursus di tahap pertama seperti TAC401 (*Introductory Arabic Level I*) dan TAC101 (*Foundation Arabic Level I*). Bahasa Arab di UiTM merupakan kursus yang menekankan kepada komunikasi asas melibatkan empat kemahiran iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur. Pelajar yang mengambil kursus TAC401 perlu

memahami dan mengaplikasikan penggunaan kata sapaan dalam ujian atau projek akhir mereka iaitu ujian lakon peranan (*role-play*) selain diuji dalam ujian lain seperti ujian mendengar dan ujian bertulis.

Antara aspek bahasa yang dinilai dalam ujian lakon peranan adalah penggunaan gaya bahasa, sebutan dan intonasi yang baik semasa lakonan. Bagi memperoleh markah yang tinggi, di antaranya pelajar perlu memilih dan mengucapkan kata sapaan dalam bahasa Arab dengan gaya bahasa, sebutan dan intonasi yang bersesuaian dengan konteks lakon peranan tersebut. Kata sapaan ini biasanya digunakan sebagai pembuka dan penutup bagi sesebuah dialog dalam setiap babak yang dilakonkan oleh para pelajar. Mereka telah diajar cara penggunaan kata sapaan yang betul sebelum mengaplikasikannya di dalam ujian lakon peranan. Hal ini kerana pelajar sering melakukan kesilapan dalam penggunaan gaya bahasa sapaan yang sesuai dengan konteks masa dan tempat.

Kata sapaan terbahagi kepada beberapa jenis seperti gaya *al-wadā'* (perpisahan), *al-iltizām* (komitmen), *al-tarhīb* (penyambutan), dan lain-lain lagi. Selain itu semasa proses pembelajaran, ada juga sebahagian pelajar yang salah atau keliru dalam membaca baris akhir gaya bahasa sapaan yang asas perkataan *sobahal*

khair bermaksud selamat pagi yang sepatutnya dibaca baris atas (*fathah*) namun dibaca dengan baris hadapan (*rafa'*).

Di bawah adalah kata Sapaan Harian dalam Silibus TAC401 dan TAC101 di UiTM.

JAWAPAN	SAPAAN	JAWAPAN	SAPAAN
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ <i>bismillāh al-rahman al-rahim</i> selamat pagi	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ <i>bismillāh al-rahman al-rahim</i> selamat pagi	وَعَلَيْكُمْ السَّلَام <i>walaikum al-salam</i> selamat sejahtera ke atas kamu	وَعَلَيْكُمْ السَّلَام <i>walaikum al-salam</i> selamat sejahtera ke atas kamu
صَبَاحُ الْخَيْرِ <i>sabah an-nur</i> selamat pagi	صَبَاحُ الْخَيْرِ <i>sabah al-khair</i> selamat pagi	أَهْلًا بِكَ <i>ahlan bika</i> selamat datang (L)	أَهْلًا وَسَهْلًا <i>ahlan wa sahan</i> selamat datang
وَأَتَى مِنْ أَهْلِهِ <i>wa ata min ahlihi</i> selamat malam	تُحِيَّةٌ عَلَى الْخَيْرِ <i>tahhiat ala al-khair</i> selamat malam (L)	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang (L)	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang
وَأَتَى مِنْ أَهْلِهِ <i>wa ata min ahlihi</i> selamat malam	تُحِيَّةٌ عَلَى الْخَيْرِ <i>tahhiat ala al-khair</i> selamat malam (P)	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang (P)	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang
أَتَمُّدُكَ بِهَذَا الْخَيْرِ <i>atamdukkah an-nihay</i> alhamdulillah saya sehat	كَيْفَ هَلَاكُ؟ <i>kayfa halaku?</i> Apa khabar awak (L)?	كَيْفَ هَلَاكُ؟ <i>kayfa halaku?</i> Apa khabar awak (P)?	كَيْفَ هَلَاكُ؟ <i>kayfa halaku?</i> Apa khabar awak (L)?
وَأَتَى مِنْ أَهْلِهِ <i>wa ata min ahlihi</i> saya juga	تُحِيَّةٌ عَلَى الْخَيْرِ <i>tahhiat ala al-khair</i> selamat malam	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang
وَأَتَى مِنْ أَهْلِهِ <i>wa ata min ahlihi</i> saya juga	تُحِيَّةٌ عَلَى الْخَيْرِ <i>tahhiat ala al-khair</i> selamat malam	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang	مَرْحَبًا بِكَ <i>marhaban bika</i> selamat datang

Jadual 1. Kata Sapaan Harian Bahasa Arab TAC401 dan TAC101

MAKSUD	BAHASA ARAB
Tuan/encik	سَيِّدِي <i>sayyidi</i>
Puan	سَيِّدَتِي <i>sayyidati</i>
Kawan (L)	صَدِيقِي <i>sadiqi</i>
Kawan (P)	صَدِيقَتِي <i>sadiqati</i>
Pak cik (sebelah bapa)	عَمِّ <i>'amm</i>
Mak cik (Sebelah bapa)	عَمَّة <i>'ammatt</i>
Pak cik (Sebelah ayah)	خَالَ <i>khāl</i>
Mak cik (Sebelah ibu)	خَالَه <i>khālatt</i>

Jadual 2. Kata Sapaan/Panggilan Hormat Bahasa Arab TAC401 dan TAC101

Menggunakan kata sapaan dengan betul menunjukkan rasa hormat terhadap budaya dan nilai-nilai orang yang disapa. Dalam konteks profesional, sosial, atau keagamaan, penggunaan sapaan yang tepat mencerminkan keperibadian yang sopan dan menghormati adat setempat. Kajian Rababah (2012) mendapati faktor umur, jantina, konteks situasi dan masa merupakan aspek penting dalam penggunaan salam dalam dialek Jordan. Terdapat juga peraturan sosio-budaya dan sosio-agama dalam memulakan ucapan salam secara umum yang berpunca daripada ajaran Islam dan tradisi Arab bagi memastikan hubungan sentiasa terjalin dan mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain. Ucapan salam dalam bahasa Arab amat penting untuk mewujudkan hubungan antara individu serta sebagai permulaan dalam urusan perniagaan atau perbincangan sosial. Oleh itu, mempelajari kata sapaan dalam bahasa Arab bukan sahaja membantu kita berkomunikasi dengan lebih berkesan, tetapi juga memperdalam pemahaman kita terhadap budaya dan nilai masyarakat Arab. Dengan mengamalkan penggunaan sapaan ini, kita dapat membina hubungan yang lebih erat dan penuh penghormatan.

Rujukan:

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Emery, P. G. (2000). Greeting, congratulating and commiserating in Omani Arabic. *Language, Culture and Curriculum*, 13(2), 196–216. <https://doi.org/10.1080/07908310008666596>.

Mahzari, M. (2019). Conversation analysis: Opening sequences and ritual expressions of informal mobile phone calls between Saudis. *Arab World English Journal (AWEJ) Special Issue on CALL*, (5), 77–92. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3431772>.

Rababa'h, M. A., & Malkawi, N. A. (2012). The linguistic etiquette of greeting and leave-taking in Jordanian Arabic. *European Scientific Journal*, 8(18), 14–28.